

No. Rujukan: GCK/HEA/MCO-FE/2021 (02)

Tarikh: 1 November 2021

PEKELILING PENGENDALIAN PEPERIKSAAN AKHIR BAGI SEMESTER OGOS – NOVEMBER 2021

Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dilaksanakan ke atas Negeri Sabah bagi mengawal Pandemik COVID-19, pihak Lembaga Akademik Kolej Geomatika Keningau (GCK) dengan kelonggaran yang diberikan oleh pihak MQA (Panduan Pengendalian Program Pengajian Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid19, bertarikh 29 Mac 2020), menetapkan bahawa Peperiksaan Akhir bagi Sesi Ogos-November 2020 akan dijalankan secara atas talian.

Panduan dan Tarikh-tarikh Penting Pelaksanaan

Berikut adalah panduan, arahan serta tarikh-tarikh penting bagi pelaksanaan Peperiksaan Akhir sesi ini:-

Tarikh	Perkara / Tindakan Pelajar
1 – 12 November 2020	<p>Pelajar boleh menyemak Slip Peperiksaan melalui Portal Pelajar.</p> <p>Peringatan: Pelajar perlu menyelesaikan sebarang tunggakan yuran atau fi berkaitan sebelum dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Akhir. Sila berhubung dengan Pihak Kewangan untuk menyemak status dan berbincang isu berkaitan tunggakan anda.</p>
12 November 2021 (3.00 Petang)	<p>Pelajar akan dikeluarkan daripada sistem Learning Management System (mohon jangan panik sekiranya tiada sebarang subjek yang terdapat dalam LMS anda) bagi memberi ruang kepada pihak HEA dan Kewangan untuk membuat semakan serta kepada pihak Pensyarah untuk memuat-naik Soalan Peperiksaan Akhir.</p>
15 – 26 November 2021	<p>Peperiksaan Akhir Sesi Ogos-November 2021 akan bermula pada 15 November 2021 sehingga 26 November 2021. Pelajar diingatkan bahawa terdapat perubahan pelaksanaan Peperiksaan Akhir bagi semester kali ini disebabkan terdapat permasalahan yang berlaku sebelum ini.</p> <p>Berikut merupakan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir yang akan dilaksanakan pada semester ini:-</p> <p>a) Peperiksaan Waktu Pagi – Sekiranya Peperiksaan untuk Subjek adalah bermula pada Jam 9.00 Pagi, pelajar dikehendaki untuk menghantar Jawapan Peperiksaan (melalui LMS atau Emel Pensyarah) sebelum atau pada Jam 1.00 Petang pada</p>

	<p>hari tersebut (hari yang sama). Pelajar diberi Tiga (3) jam untuk menyiapkan Peperiksaan Akhir dan Satu (1) jam untuk penghantaran Jawapan Peperiksaan Akhir.</p> <p>b) Peperiksaan Waktu Petang – Sekiranya Peperiksaan untuk Subjek adalah bermula pada Jam 2.00 Petang, pelajar dikehendaki untuk menghantar Jawapan Peperiksaan (melalui LMS atau Emel Pensyarah) sebelum atau pada Jam 6.00 Petang pada hari tersebut (hari yang sama). Pelajar diberi Tiga (3) jam untuk menyiapkan Peperiksaan Akhir dan Satu (1) jam untuk penghantaran Jawapan Peperiksaan Akhir.</p> <p>Pelajar boleh memuat-turun Kertas Soalan Peperiksaan Akhir di Portal Learning Management System (LMS). Sila baca arahan dengan teliti dan peka dengan TARIKH dan MASA penghantaran jawapan.</p> <p>Peringatan: Pelajar yang mempunyai tunggakan atau belum membayar Yuran Ulangan akan disekat untuk capaian LMS. Oleh itu, pelajar diingatkan untuk menyelesaikan isu tunggakan Yuran dan fi sebelum atau pada 14 November 2021.</p> <p>Pihak Kewangan dan HEA memerlukan masa 24 jam untuk membuka semula capaian LMS kepada pelajar yang membayar selepas 14 November 2021. Bayaran pada hari Sabtu dan Ahad hanya akan diproses pada hari Isnin berikutnya.</p> <p>Pihak HEA menyeru agar pelajar dapat menyelesaikan yuran dan fi tidak lewat daripada 14 November 2021 bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Mohon kerjasama.</p>
<p>31 Disember 2021</p>	<p>Pengeluaran Keputusan Peperiksaan Akhir melalui Portal Pelajar ⇒ Bagi Program dan pelajar yang terlibat dengan Semester Panjang Sesi Ogos-November 2021 dan pelajar Semester Pendek Sesi September-November 2021.</p>

Matlamat dan Objektif

Ini adalah komitmen yang diambil oleh pihak GCK bagi menyokong usaha Kerajaan Malaysia dalam menangani isu COVID-19. Beserta kelonggaran yang telah diberikan oleh pihak MQA bagi pelaksanaan penilaian, GCK telah mengambil langkah-langkah seperti dinyatakan di atas,

Para pelajar dimohon untuk sentiasa berhubung dengan pensyarah-pensyarah di Fakulti masing-masing atau Bahagian pentadbiran GCK bagi kemaskini maklumat terkini atau sebarang permasalahan. **Sekiranya tempat tinggal pelajar tidak mempunyai talian internet, pelajar adalah dialu-alukan untuk datang kolej menggunakan talian internet di Makmal Komputer.**

Semoga semua pelajar maklum dengan pekeliling ini dan sentiasa menjaga kesihatan serta keselamatan diri dan keluarga.

Sekian, terima kasih.

PROF WAN SHAH BANY BIN WAN ISHAK

Rektor

Hal Ehwal Akademik

Kolej Geomatika Keningau, Sabah